

20 JUL 1999

Parlimen-Bahas

LANTIK PENDAKWA RAYA BEBAS UNTUK SIASAT LAPORAN ANWAR, KATA KIT SIANG

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Ketua pembangkang Lim Kit Siang hari ini meminta supaya seorang pendakwa raya bebas dilantik bagi menyiasat laporan polis yang dibuat Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung dakwaan salahguna kuasa pemimpin tertentu kerajaan.

Pendakwa raya bebas itu akan menentukan kebenaran dakwaan berkenaan dan membersihkan nama pemimpin yang dituduh sekiranya laporan itu tidak benar, katanya ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 1999 di Dewan Rakyat.

Beliau berkata Anwar, bekas timbalan perdana menteri, dalam laporannya mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dan Pendakwa raya Kanan Datuk Abdul Gani Patail sebagai melindungi Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz daripada didakwa di mahkamah atas tuduhan rasuah.

Lim (DAP-Tanjong) berkata tindakan Anwar itu merupakan satu sejarah di Malaysia dengan seorang bekas pemimpin kerajaan membongkar usaha menghalang cubaan memerangi rasuah di peringkat tertinggi.

"Saya mencabar Perdana Menteri supaya melantik seorang pendakwa raya bebas untuk meneliti semua tuduhan ini demi membersihkan namanya," kata beliau.

Mengenai tambahan peruntukan bernilai RM2.5 bilion untuk belanja mengurus dan pembangunan, Lim berkata ia menggambarkan tahap tidak berkesan dan sikap tidak cermat kerajaan dalam melakukan rancangan awal belanjawan.

Beliau turut menegur peruntukan tambahan sebanyak RM686.3 juta bagi pembinaan kemudahan awam di Putrajaya yang katanya bertentangan dengan jaminan bahawa sejumlah besar perbelanjaan Putrajaya akan ditanggung sektor swasta.

Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) pula dalam perbahasannya meminta Perdana Menteri menyiasat dan mengambil tindakan tegas terhadap parti politik serta agensi kerajaan di seluruh negara yang menceroboh tanah lapang.

Beliau juga meminta semua agensi kerajaan melaksanakan projek pembangunan dengan berkesan kerana kegagalan menggunakan peruntukan itu akan menjejaskan produktiviti, aliran pendapatan dan pencapaian matlamat sosial kebangsaan.

Perbahasan hari ini yang dimonopoli pembangkang turut mendengar hujah Mohamad Sabu (PAS-Kubang Kerian) yang meminta kerajaan supaya jangan mengabaikan tanggungjawab membela golongan miskin dalam keghairahan membangunkan Putrajaya.

Mohamad berkata kerajaan pusat perlu melupuskan hutang kerajaan negeri Kelantan yang kini mencapai RM500 juta kerana wang itu telah digunakan untuk pembangunan rakyat dan hutang itu juga katanya termasuk yang ditanggung oleh kerajaan negeri ketika di bawah pemerintahan Barisan Nasional.

Lim Hock Seng (DAP-Bagan) pula berkata kerajaan perlu menarik balik sekatan kakitangan kerajaan ke luar negara untuk tujuan peribadi memandangkan ekonomi kini telah pulih.

Katanya sekatan itu hanya akan menghalang kakitangan awam daripada beribadat dan melawat sanak saudara di luar negara.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

NHD RON